



SIARAN AKHBAR

OIC-Stock Exchange Capacity Building Programme Investor and Financial Community Awareness

**CIBFM, BANGUNAN ILIA, KAMPUS UBD,
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM**

7-8 Sya'ban 1436 Bersamaan dengan 25-26 Mei 2015

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama Organisation of Islamic Cooperation – The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (OIC-SESRIC) telah menganjurkan program latihan bertajuk *Investor and Financial Community Awareness* pada 25 – 26 Mei 2015. Program ini telah diadakan di Centre of Islamic Banking, Finance and Management, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
2. Majlis penutup bagi program latihan tersebut telah diadakan pada 26 Mei 2015, yang mana telah disempurnakan dengan ucapan penutup dari Yang Mulia Dayang Hajah Mahani binti Haji Mohsin, Pengarah Eksekutif (Penyeliaan Insurans / Takaful dan Pasaran Modal), Jabatan Regulatori, AMBD.
3. Yang Mulia Hajah Mahani, dalam ucapan beliau, menekankan pentingnya untuk meningkatkan pengetahuan dan memupuk pemahaman dalam bidang pasaran modal, yang mana adalah kritikal bagi meraih sepenuhnya manfaat penubuhan bursa saham tempatan dan objektif perkembangan sektor kewangan selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Ia juga merupakan langkah permulaan bagi membolehkan Negara Brunei Darussalam untuk menyertai bursa ASEAN.
4. Objektif latihan 2-hari tersebut adalah untuk membina kapasiti pengamal pasaran modal, serta menggalakkan kesediaan untuk menyokong pembangunan pasaran modal di negara ini, khususnya dalam membangun bursa saham. Program ini mengandungi 7 topik utama termasuk tatacara operasi pasaran kewangan dan bursa saham, instrumen-instrumen kewangan dan fungsi-fungsinya .
5. SESRIC ditubuhkan sebagai anak syarikat OIC sejak 1977 di Ankara, Turki. SESRIC berperanan dalam menjalankan aktiviti dan projek kerjasama teknikal diantara negara-negara OIC dalam bidang khusus penyelidikan sosio-ekonomi, statistik dan latihan dalam pembangunan sosial dan ekonomi.
6. *OIC-Stock Exchange Capacity Building Programme* adalah sebahagian daripada program latihan pendidikan dan vokasional SESRIC bagi negara-negara OIC untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran. Ini akan menyumbang kepada pembangunan dan daya saing ekonomi serta memudahkan perkongsian pengetahuan. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan pelaburan dan kesedaran komuniti kewangan mengenai tren industri bursa serta memberi bimbingan dalam perdagangan sekuriti.

7. Seminar ini telah dihadiri oleh 33 peserta tempatan yang terdiri daripada pegawai-pegawai AMBD, Kementerian Kewangan dan industri kewangan. Seminar ini telah disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman dalam bidang pasaran kewangan, derivatif dan komoditi, *market microstructure* dan *behavioural finance*, iaitu Yang Mulia Encik Evren Arik, Pakar Kanan di Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan, Borsa Istanbul, Turki.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 7 Sya'ban 1436 / 25 Mei 2015

Ref : AMBD/COMMS/4

AMBD/R/CMS/11/50